

PENERIMAAN MANGSA ROGOL STATUTORI TERHADAP DIRI SENDIRI DAN PELAKU ROGOL: SATU KAJIAN KES

(Statutory Rape Victim Acceptance Towards Self And The Perpetrator : A Case Study)

Ezarina Zakaria, Nur Farrah Alya Zakaria, Norulhuda Sarnon & Nor Jana Saim

ABSTRAK

Rogol statutori juga dikenali sebagai rogol bawah umur iaitu apabila seorang lelaki melakukan hubungan seks dengan gadis yang berumur bawah 16 tahun, dengan atau tanpa kerelaan gadis tersebut. Masih kurang kajian yang memberi penekanan kepada penerimaan remaja yang menjadi mangsa rogol statutori terhadap diri sendiri dan juga penerimaan mangsa terhadap pelaku rogol statutori itu. Kajian ini bertujuan meneroka penerimaan mangsa terhadap status diri setelah dirogol. Aspek penerimaan dikenalpasti menerusi i) interpretasi tentang hubungan seks luar nikah, ii) penerimaan terhadap status diri sebagai mangsa rogol statutori dan iv) penerimaan terhadap pelaku rogol statutori. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan temubual berstruktur sebagai kaedah pengumpulan data. Seramai enam orang remaja di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Selangor (PERKID) telah dipilih secara bertujuan sebagai informan. Data dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil daripada penelitian mendapati mangsa kebanyakannya rela melakukan hubungan seks, namun kemudiannya mangsa lebih banyak bersendirian, merasa takut sekiranya hamil, marah kepada diri sendiri dan semakin banyak terlibat dengan masalah sosial seperti merokok serta mengambil minuman keras. Data tentang penerimaan mangsa terhadap pelaku rogol statutori pula mengeluarkan dua tema utama iaitu i) informan menerima pelaku kerana perasaan cinta dan ii) bagi yang tidak menerima perbuatan pelaku adalah disebabkan hilang kepercayaan kepada pelaku yang dianggap sebagai keluarga. Hasil penerokaan ini memberi implikasi pentingnya intervensi lebih holistik diberikan kepada mangsa rogol statutori. Penerimaan tinggi ke atas hubungan yang berlandaskan perasaan cinta berupaya mendorong remaja terjebak semula. Penekanan yang lebih perlu diberikan kepada bagaimana mengubah persepsi penerimaan mangsa terhadap hubungan statutori yang salah di sisi undang-undang.

Kata Kunci : Rogol Statutori, penerimaan mangsa rogol, penerimaan terhadap pelaku rogol statutori, pandangan ke atas hubungan seks statutori, remaja.

ABSTRACT

Statutory rape is also known as underage rape, when a male has sex with an under 16 female, with or without her will. There is a lack of numbers in research conducted focusing on teenagers statutory rape victims' acceptance of themselves and victims' acceptance of statutory rapist. This research aims to explore victims' acceptance of self-status after being raped. Aspect of acceptance was identified through i) interpretation about pre-marital sex, ii) acceptance towards self-status as a victim of statutory rape, and iv) acceptance towards the statutory rapist. This research used qualitative methodology with structured interview as a method in collecting data. Six teenagers in Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Selangor (PERKID) were chosen purposely as informants. The data was analysed using thematic analysis. The research found that most of the victims were willing of the sex, but then the

victims secluded themselves, feared the possibility of being pregnant, were mad at themselves, and involved in more social problems such as smoking and alcohol intake. In the data of victims' acceptance towards the statutory rapist, two main themes was produced which are i) informants accepted the rapists because of love, and ii) for those who did not accept the rapists, was because they lost faith in the rapist whom the victims considered as their own family. This research implicates the importance of a more holistic intervention delivered to the victims of statutory rape. High acceptance towards love-based relationships might encourage the teenagers to get involved again. More emphasis needs to be given in changing the victims' perceptions towards legally unacceptable statutory relationships.

Keywords: Statutory rape, rape victims' acceptance, acceptance towards the statutory perpetrator, interpretation of the statutory sexual relationship, teenagers

PENGENALAN

Rogol bawah umur juga dikenali sebagai rogol statutori iaitu apabila seorang lelaki melakukan hubungan seks dengan gadis yang berumur bawah 16 tahun, dengan atau tanpa kerelaannya (Rosdi, 2002). Merujuk kepada Seksyen 375 Kanun Keseksaan di Malaysia terdapat beberapa keadaan seorang lelaki dikatakan telah melakukan jenayah rogol sekiranya melakukan persetubuhan dengan seorang perempuan. Kesalahan di bawah rogol statutori termasuklah sebarang jenis hubungan seks dengan mangsa berumur di bawah 16 tahun (Nor Shafrin, 2012) samada melalui oral, vaginal atau anal (Klein & Cooper, 2017) dengan kerelaan atau tidak. Walaupun hubungan seks statutori ini turut melibatkan hubungan antara remaja lelaki dengan wanita dewasa atau remaja lelaki dengan lelaki dewasa, namun hubungan statutori yang sering diberi perhatian adalah hubungan yang melibatkan remaja atau kanak-kanak perempuan dengan lelaki dewasa (Hines & Finkelhor, 2007). Jenis hubungan ini lebih kerap mendapat perhatian dalam banyak kajian dan dibincangkan oleh ramai penggubal dasar sosial (Azizah & Nor 'Adha, 2014 ; Zaizul et.al, 2011 ; Manlove et al. 2005 ; Troup-Leasure & Synder, 2005)

Statistik kesalahan rogol melibatkan mangsa berumur di bawah 16 tahun (pecahan tidak termasuk sumbang mahram) bagi tahun 2010 hingga 2017 di Malaysia masih menunjukkan jumlah kes yang membimbangkan dengan Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi. Lebih memerlukan perhatian adalah apabila kini terdapat kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun yang turut menjadi mangsa rogol. Pihak kerajaan Malaysia telah mewujudkan satu rang undang-undang di bawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan sebagai salah satu langkah dalam usaha membendung penularan jenayah rogol (Kanun Keseksaan 376). Undang-undang dibentuk bagi melindungi kanak-kanak yang mengikut penilaian umur dianggap tidak mampu secara kognitif membezakan manipulasi seks daripada pelaku. Ini khususnya bagi hubungan yang mengambilkira perbezaan umur amat ketara antara mangsa dan pelaku. Di samping itu, perbezaan fizikal serta kuasa sosial menjadi limitasi kepada mangsa dalam setiap tindakan seks statutori sehingga memerlukan intervensi undang-undang (Manlove, Ryan & Fronzetta, 2007). Sehingga kini, pindaan seksyen telah dilakukan dengan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pesalah di bawah Seksyen 376, Kanun Keseksaan. Menerusi pindaan ini, pesalah jenayah rogol statutori akan dijatuhi hukuman penjara mandatori dan tidak boleh merujuk seksyen di bawah akta lain bagi meringankan hukuman. Beberapa keadaan utama yang dirujuk di bawah seksyen bagi kesalahan seks statutori iaitu dengan tiada kerelaan perempuan itu, apabila perempuan itu di bawah umur 16 tahun dan juga sama ada dengan

kerelaan perempuan itu atau tidak apabila perempuan itu di bawah umur 12 tahun (Ummi, 2005).

Mangsa rogol bawah umur yang melakukan hubungan seks atas dasar suka sama suka juga dirujuk di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan. Perbuatan dikira sebagai jenayah walaupun mangsa merelakan perhubungan seks tersebut (Berie & Budd, 2016 ; Ahmad Redzuwan, 2003). Hubungan seks statutori secara rela kebiasaannya dilakukan atas dasar cinta dengan harapan hubungan yang dibina berkekalan (Nasrudin et.al, 2012). Bagi kes rogol melibatkan mangsa yang tidak merelakan perbuatan tersebut biasanya mereka terdiri daripada mangsa jenayah inses, rogol bergilir-gilir dan juga rogol domestik (Klein & Cooper, 2017). Malah jenayah inses iaitu hubungan seks yang dilakukan oleh individu yang ada pertalian darah atau nasab keturunan dengan mangsa bawah umur semakin banyak dilaporkan.

Antara masalah yang telah diberi tumpuan oleh *United Nations* berkenaan dengan gadis remaja ialah pelacuran paksa, rogol dalam perkahwinan dan juga seks statutori. Kajian Gurko (2004) ; Dollar et al. (2004) ; Sahl & Keene (2010) juga ada mengatakan semakin muda umur perempuan yang terlibat dalam jenayah rogol, semakin besar kemungkinan perempuan itu tidak mahu melakukan seks tersebut. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Gurko (2004) ke atas pelajar kolej universiti di Moscow menunjukkan daripada 166 orang gadis muda yang dikaji, 4% telah dirogol sebelum umur 18 tahun, 10% telah menjadi mangsa cubaan rogol, dan 8% telah terlibat dalam hubungan seks statutori. Kesemua mangsa melaporkan tidak mahu melakukan hubungan seks dan mengakui timbul kekerasan paksa semasa seks berlaku (Gurko, 2004).

Mangsa yang tidak merelakan perbuatan rogol sering merasakan diri tidak berguna dan malu sekiranya masyarakat luar tahu status mereka. Penerimaan ke atas diri sendiri adalah rendah (Salina et al. 2012 ; Dollar et al. 2004 ; Sahl & Keene 2010). Kajian lepas menunjukkan rutin harian mangsa terganggu kerana merasa tertekan, takut hubungan diketahui orang dewasa, kelihatan muram, menjadi mudah marah (Inzerberg, 2016 ; Atkinson, 2008), rasa terhina, rasa bersalah dan malu. Keadaan ini antara lain berpunca daripada keluarga dan juga komuniti yang melakukan penolakan terhadap mangsa (Hetu, 2014 ; Sable, Danis, Mauzy & Gallagher, 2006 ; Lim et.al, 2002). Kajian penerimaan keluarga terhadap mangsa rogol mendapati lebih ramai keluarga yang mempunyai tahap penerimaan negatif terhadap mangsa rogol berbanding reaksi positif. Penemuan ini menggambarkan masih ramai ibu bapa serta ahli keluarga lain yang tidak boleh menerima kejadian rogol yang dialami oleh mangsa (Hetu, 2014 ; Fuller, 2016 ; Motjelebe, 2009). Remaja yang dirogol menjadi lebih berisiko apabila gagal mendapat sokongan yang secukupnya daripada ahli keluarga terutamanya ibu bapa. Gaya asuhan yang bersifat penolakan juga menjadikan anak merasa kurang kasih sayang (Nasrudin et.al, 2012), seterusnya menambah impak negatif rogol statutori apabila anak yang menjadi mangsa rogol merasa terabai tanpa sokongan.

Wujud alternatif bersifat pemulihan dan perlindungan bagi mangsa hubungan seks statutori selain daripada perlindungan dalam keluarga. Antara yang paling holistik adalah pemulihan serta perlindungan di institusi. Ramai pihak yang merasakan bahawa penempatan di rumah perlindungan adalah langkah paling signifikan untuk mangsa seks statutori khususnya daripada pihak yang menguatkuasakan undang-undang (Committee on Adolescence, 2001). Namun begitu, intervensi dan pemulihan di pusat perlindungan bukan menjadi pilihan kepada remaja yang menjadi mangsa. Kumpulan ini tidak menilai diri mereka sebagai mangsa sebaliknya hubungan seks statutori sebagai tanda setia kepada pelaku. Perlindungan serta pemulihan berdasarkan institusi dinilai sebagai batasan kepada autonomi

remaja. Mangsa bawah umur cenderung merasakan intervensi dan penempatan institusi sebagai peraturan yang keras (John, Cross, Walsh & Simone, 2005).

Penyelidik terdahulu lebih banyak memberi tumpuan kepada punca bagaimana individu terlibat dalam jenayah rogol dan juga kesannya terhadap mangsa serta keluarga. Walau bagaimanapun, masih kurang penerokaan tentang i) penerimaan mangsa rogol bawah umur terhadap diri sendiri dan juga ii) penerimaan mangsa terhadap pelaku rogol statutori itu khususnya selepas beberapa tempoh mereka ditempatkan dalam institusi. Timbul persoalan yang menjadi justifikasi pentingnya kajian ini dijalankan dengan beberapa objektif iaitu :

1. Mengenalpasti profil mangsa rogol statutori yang sedang menerima perlindungan serta pemulihan di PERKID.
2. Meneroka penerimaan mangsa rogol statutori terhadap status diri.
3. Meneroka penerimaan mangsa rogol statutori terhadap pelaku seks.

Dalam kajian ini, penerimaan mangsa rogol statutori telah diteroka berdasarkan pandangan tentang hubungan seks dan reaksi psikologi. Manakala penerimaan terhadap pelaku seks statutori meliputi perbincangan tentang sejauhmana informan bersetuju dengan perlakuan pelaku.

METOD KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai enam orang informan telah dipilih secara bertujuan daripada penghuni di agensi PERKID, sebuah rumah perlindungan untuk remaja yang terjebak dengan masalah sosial. Pengumpulan data secara temu bual bersemuka. Untuk memastikan keselesaan informan, bentuk temubual secara tidak formal dan tidak berstruktur telah digunakan supaya informan mampu menjawab segala persoalan dan lebih terbuka dalam berkongsi pengalaman peribadi. Skop soalan temubual dibentuk berdasarkan literatur dan terbahagi kepada tiga bahagian utama selaras dengan pembentukan objektif kajian ini. Bahagian A adalah mengenai profil informan. Bahagian B mengenai penerimaan mangsa rogol bawah umur terhadap status diri. Bahagian C pula merupakan penerimaan mangsa terhadap pelaku rogol statutori. Data dianalisa menggunakan kaedah analisis tematik secara manual mengikut Braun & Clarke (2006).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Informan

Seramai enam orang informan telah dipilih untuk menyertai kajian ini. Informan berumur antara 15 hingga 17 tahun. Informan merupakan penghuni di PERKID. Profil informan dari sudut umur, tahap pendidikan, umur semasa dirogol dan juga sebab kemasukan ke PERKID adalah seperti Jadual 1.0.

Jadual 1.0 : Profil Informan

Informan	Umur	Asal	Kes	Tahap pendidikan	Bilangan adik-beradik	Umur semasa di rogol
A	15	Johor	Hamil luar nikah	Tingkatan 2	Tunggal	14
B	17	Selangor	Masalah sosial, lari rumah	Tingkatan 3	Tunggal	15
C	17	Pahang	Hamil luar nikah	Tingkatan 4	1/5	15
D	17	Pahang	Hamil luar nikah	Tingkatan 3 (PMR)	3/6	16
E	16	Kuala Lumpur	Lari rumah, masalah sosial, zina	Tingkatan 3	1/4	15
F	16	Pahang	Lari rumah, zina	Tingkatan 2	3/4	11

Kesemua informan masih mendapatkan pemulihan di PERKID dengan tempoh pemulihan dua tahun. Kemasukan informan ke PERKID berpunca daripada masalah sosial, hamil luar nikah dan juga lari daripada rumah dengan kes luar kawal. Kesemua informan merupakan mangsa rogol statutori kerana semasa hubungan seks itu berlaku mereka di bawah umur 16 tahun. Menerusi Jadual 1.0, didapati terdapat informan yang menjadi mangsa rogol statutori seawal usia 11 tahun. Hasil temu bual mendapati informan menyatakan ianya disebabkan rasa cinta dan satu pendedahan awal mengenai seks. Informan didapati tinggal bersama abang kandung dan informan terdedah kepada pengetahuan seks daripada kawan-kawan abangnya yang selalu datang ke rumah.

“Memang dah tahu dah, sebab bila tak duduk dengan family kita akan rasa lebih tahu pasal luar lebih cepat. Dari kawan-kawan sebab saya tak berkawan dengan yang sebaya, saya berkawan dengan lagi tua. So bila lepak dengan diorang apa semua kan, kita pun tahu lah benda-benda macam tu.”

(Informan F)

Informan F mengakui bagaimana pada usia yang muda dia telah mempunyai pengetahuan mengenai seks. Ia berpunca daripada pergaulan dengan mereka yang lebih tua daripada umur informan dan juga tinggal berasingan dengan ibu bapa. Informan F menjalankan hubungan cinta dengan kawan abangnya sehingga berlakunya hubungan seks secara sukarela.

Lima daripada informan menyatakan mereka melakukan hubungan seks secara rela bersama teman lelaki. Dua daripadanya menyatakan mereka mengenali teman lelaki menerusi aplikasi *WeChat*.

“Teman lelaki umur 19 tahun waktu tu. Saya kenal dia melalui WeChat. Lepas tu dapat jumpa, dah jumpa tu jadi rapatlah. Kenal masa saya form 3 (umur 15 tahun semasa mengenali pasangan) jugak.”

(Informan A)

Kebanyakan informan mula mengenali teman lelaki menerusi laman WeChat. Perkenalan yang singkat, pertemuan bersemuka secara kerap dan lama-kelamaan semakin rapat tanpa kawalan ibu bapa, informan mengakui bahawa mereka mula selesa memenuhi keinginan teman lelaki untuk melakukan hubungan seks.

Penyelidik mendapati kesemua informan mempunyai pengetahuan mengenai beberapa langkah yang boleh digunakan untuk mencegah kehamilan seperti penggunaan kondom, tetapi mereka memilih untuk tidak menggunakan kerana dirasakan tidak perlu. Penemuan ini didapati selari dengan kajian oleh Zakiyah, Abdul Razak & Rusimah, (2016).

Persetujuan ke pusat pemulihan :

Menurut John et al. (2005), mangsa bawah umur cenderung merasakan intervensi dan penempatan institusi sebagai peraturan yang keras. Penerokaan kajian ini menemui penemuan yang serupa. Kesemua informan tidak bersetuju ditempatkan dalam institusi atas sebab mengongkong kebebasan mereka. Ini terutamanya kepada informan B dan informan F. Kedua-dua informan tidak bersetuju dengan keputusan keluarga kerana merasa tidak perlu ditempatkan di pusat pemulihan berikutkan mereka tidak hamil.

Penerokaan lanjut oleh pengkaji turut menemui beberapa sebab mengapa remaja di dalam kajian ini telah akur dengan penempatan institusi. Sebab yang dinyatakan oleh informan adalah i) penempatan institusi sahaja cara yang ada untuk menyelesaikan masalah, ii) mengelak daripada berkahwin dengan perogol, iii) tidak tahu perlu tinggal di institusi dan iv) dinasihatkan oleh polis.

Informan A,C,D dan E bersetuju dengan tindakan ibu bapa untuk menghantar mereka ke PERKID kerana merasa tiada pilihan lain untuk menyelesaikan masalah. Menurut salah seorang informan, dia terus bersetuju dengan keputusan ibunya untuk dihantar ke PERKID untuk mengelak berkahwin dengan individu yang bertanggungjawab merogolnya.

Terdapat juga informan yang dipaksa dan mereka tidak tahu pada awalnya mereka akan dibawa ke pusat pemulihan dan ada juga menyatakan bahawa mereka ke PERKID disebabkan pernah ditangkap oleh pihak polis. Informan menyatakan kemasukan ke pusat pemulihan adalah atas cadangan pihak polis kerana mereka masih di bawah umur 18 tahun.

“Lepas kena tangkap tu polis memang cadangkan sama ada masuk sini ke, juvana ke, sebab bawah 18 tahun kan tak boleh duduk lokap. Saya tak bersetuju nak datang sini sebab dengan polis apa semua kan kalau tak, lari lama dah. Saya langsung tak bersetuju dengan keputusan mak ayah untuk hantar ke sini. Sebab mak ayah tahu perbuatan saya cuma tak tahu yang zina (hubungan seks luar nikah) tu lah.”

(Informan F)

“Terkaksa sebab saya tak tahu pun mak nak hantar dekat sini. Saya tak tahu tempat ni saya ingat rumah anak yatim, masa tu dah parking sebab saya tidur dalam kereta.”

(Informan B)

Intervensi dan pemulihan di pusat perlindungan seperti di PERKID bukan menjadi pilihan kerana remaja ini tidak menilai diri mereka sebagai mangsa sebaliknya hubungan seks statutori sebagai tanda setia kepada pelaku. Di samping itu intervensi dan penguatkuasaan undang-undang menerusi penempatan di tempat selamat seperti PERKID dinilai oleh mereka sebagai batasan kepada autonomi remaja.

PENERIMAAN MANGSA ROGOL STATUTORI

Bahagian ini fokus kepada penerimaan mangsa rogol statutori dengan membincangkan pandangan tentang hubungan seks, reaksi psikologikal dan penerimaan diri sebagai mangsa rogol statutori.

Interpretasi tentang Hubungan Seks

Merujuk kepada kajian Salina et.al (2012), penerimaan mangsa rogol diteroka menerusi bagaimana interpretasi mangsa tentang penderaan seksual. Hasil kajian mendapati kesemua informan tidak didera secara seksual sebaliknya hubungan seks yang berlaku adalah atas dasar suka sama suka. Kesemua informan terlibat dalam rogol statutori jadi penerimaan daripada aspek interpretasi tentang penderaan seksual seperti yang digunakan dalam kajian Salina et al. (2012) diubahsuai oleh kajian ini dengan memberi tumpuan kepada pandangan informan tentang hubungan seks. Analisis data menunjukkan terdapat dua tema utama iaitu i) seks petanda cinta dan ii) seks satu cara hidup bebas dan menjadi mudah apabila tiada kawalan ibu bapa.

i. Seks petanda cinta

Kebanyakan daripada informan mengakui bahawa punca melakukan hubungan seks itu adalah disebabkan perasaan cinta terhadap teman lelaki. “*Sebab hubungan cinta dan waktu tu saya sukarela.*” (Informan A). Perasaan cinta ini menyebabkan informan rela menyerahkan tubuh mereka kepada teman lelaki untuk memenuhi keperluan seks, dengan harapan cinta yang dibina kekal selamanya (Nasrudin et.al, 2012). Walaupun pada permulaan mangsa tidak merelakan apa yang diinginkan oleh teman lelaki namun lama kelamaan mangsa menurut pujuhan pasangan.

“Ha ade, masa umur 15 jugak. Kitorang pegang dulu. Hubungan seks tu masa pertemuan yang ketiga masa kali keempat saya lari dari rumah. Saya tak tahu perkara tu akan berlaku. Emmm.. saya kan lari dari rumah lepastu saya lepak dengan kawan-kawan yang ada dekat KL. Lepastu balik Rawang arrr... macam mana nak cakap balik terus rumah dia (teman lelaki) kejap.”

(Informan B)

Data menunjukkan informan tidak secara terus melakukan hubungan seks pada pertemuan pertama, sebaliknya mengikut rayuan pasangan setelah beberapa kali bertemu. Hubungan seks kerana cinta memenuhi keperluan untuk merasa diri disayangi, dipercayai dan juga disokong oleh teman lelaki. Perkembangan remaja juga sering mendedahkan mereka kepada hubungan seks samada kerana dorongan biologi, eksplorasi ataupun eksperimen seks dengan pengaruh rakan sebaya. Lama kelamaan keinginan seksual menjadi semakin

meningkat dan informan sendiri tidak lagi kekok untuk meneruskan hubungan seks statutori (Klein & Cooper, 2017 ; Salamatussaadah & Ba'yah, 2009).

Menjalinkan hubungan cinta dengan warga asing juga merupakan salah satu sebab bagaimana seorang daripada informan terlibat dalam seks statutori. Menurut informan, hubungan seks ini berlaku disebabkan mangsa telah dipukau oleh teman lelaki warga Nepal. Informan D menyatakan warga asing tersebut merupakan rakan semasa bekerja di kilang kayu balak di Pahang. Menurutnya perbuatan ini berlaku secara paksaan. Walau bagaimanapun hubungan tersebut tetap berlaku secara berulang kali dan informan sedar tentang berulangnya hubungan seks tersebut. Informan menyatakan beliau tidak dapat berbuat apa-apa akibat tidak sedarkan diri setelah dipukau.

“Nak dekat setahunlah. Masa tu okay ja keja. Saya mula-mula tak kenal lagi dengan dia tu, lepastu dia berkenan dengan saya, tapi saya tak layanlah. Lepastu dia macam paksa sikit cakap tak nak, dia paksa jugak. Sebab kita tak kenal sangat kan. Saya pun tak tahu macam mana nak jaga diri dah sebab ramai yang berkenan dengan saya. Saya kena jampilah, macam kena pukau sebab kerja dengan bangsa lain. Dia bagi kita makanan yang dia buat, dia akan masak sendiri. Lepas dari tu saya tak sedar dah. Untuk yang seterusnya (hubungan seks) pun dia guna cara yang sama.”

(Informan D)

Informan D pada mulanya tidak mengakui mempunyai hubungan cinta dengan warga asing tersebut, namun setelah ditanya dengan lebih lanjut penyelidik mendapati bahawa hubungan mereka telah hampir enam bulan perkenalan. Penemuan ini menunjukkan hubungan seks statutori ini turut melibatkan risiko hasil interaksi remaja dengan bangsa asing yang bekerja di negara kita. Sukar juga untuk dipastikan sejauhmana pelaku tersebut memahami perilaku seks bawah umur ini menyalahi undang-undang negara. Risiko lebih besar akan timbul sekiranya mangsa lewat melaporkan kejadian dan pekerja asing yang berkemungkinan boleh melarikan diri tanpa dikesan pihak berkuasa sekiranya tiada permit kerja. Kecenderungan remaja kini menjalinkan hubungan cinta dengan warga asing perlu diberi perhatian bagi mendepani risiko lebih besar bukan sahaja risiko hubungan seks statutori tetapi juga kehamilan remaja dan penguatkuasaan undang-undang kelak khususnya apabila mangsa turut dipujuk rayu untuk pengedaran dadah.

ii. Seks satu cara hidup bebas dan menjadi mudah sekiranya tiada kawalan sosial

Hubungan seks juga berlaku disebabkan informan merasakan ia gambaran cara hidup bebas dan menjadi mudah sekiranya tiada kawalan sosial orang dewasa. Salah seorang informan menceritakan bagaimana merasa bebas menjalinkan hubungan dengan teman lelakinya tanpa kawalan. Informan berada dalam satu rumah bersama teman lelaki tanpa pengawasan daripada orang dewasa. Hasil temu bual menunjukkan bahawa informan mengakui mereka bebas melakukan apa sahaja kerana ibu bapa lebih sibuk bekerja. Informan C contohnya, mengakui seawal usianya 14 tahun dia dan teman lelaki sudah mula berani bebas bersentuhan sebelum melakukan hubungan seks semasa umur informan 15 tahun.

“Takda siapa waktu tu kami berempat, dia dengan member dia, saya dengan awek kepada member dia tu lepak rumah akak teman lelaki saya. Takda siapa waktu tu kami berempat,

kakak kepada teman lelaki tu dia kerja. Kitorang sembang-sebang lepastu time tulah berlaku. Waktu tu dalam rumah dia macam dia minta semua tak dapat ha macam saya tak banyak tunaikan. Dia macam banyak kali minta saya tak beranilah nak buat benda tu lepastu dah lama-lama tu dia kata ermm.. kalau sayang dia, buat (seks). Waktu tu saya terlampau sayangkan dia, so terpaksa.”

(Informan C)

Informan C menyatakan bahawa kakak kepada teman lelakinya tiada di rumah kerana sibuk bekerja. Oleh itu, mereka menjadikan rumah tersebut sebagai lokasi untuk melakukan hubungan seks malah berpeluang mengulanginya selama beberapa tempoh sewaktu kakak teman lelakinya tiada di rumah. Informan merasakan hubungan seks ini boleh berlaku kerana tiada langsung kawalan sosial oleh ibu bapa. Ini khususnya bagi informan yang tinggal berasingan daripada ibu bapa atau pun hanya tinggal dengan adik beradik dewasa di kediaman berbeza.

Hasil kajian turut menunjukkan terdapatnya informan yang mlarikan diri dan menginap secara tetap di rumah teman lelaki atau kawan baik mereka. Informan mengakui mula hidup di luar secara bebas tanpa pengawasan ibu bapa dan mula terdedah kepada pelbagai masalah sosial yang lain. Perubahan sosial yang penting pada masa remaja adalah meningkatnya pengaruh teman sebaya (*peer group*), pola perilaku sosial yang lebih matang, pembuatan kelompok sosial yang baru dan munculnya nilai-nilai baru dalam memilih teman untuk penerimaan sosial.

“Ermmm... masa darjah lima, sebab darjah lima tu dah start tak duduk dengan parents kan. Duduk dengan abang, abang tahun ni umur dia 23. Masa tu 18 macam tu lah. Lepastu bila stay dengan dia tu ar memang tak stay dengan mak ayah, dia jadi liar sikitlah, sebab abang pun sibuk kerja so memang bebaslah duduk dengan dia setiap kali keluar nak bercinta semua apa semua. Orang bila dah mabuk semualah memang masuk biliklah, semua tu dekat rumah abang. Abang tahu pasal hal ni, masa tu saya darjah enam dah, hujung tahun darjah limalah. Dia banyak kali ada yang sedar ada yang tak sedar, tak sedar bila apa tu malam kalau dah mabuk semua tu kan pagi esok dah terbarai. Perkara tu berlaku daripada darjah lima sampai form 2.”

(Informan F)

Salah seorang informan mengakui bahawa tindakan yang diambil untuk menginap di rumah abang angkatnya adalah sebagai salah satu punca mengapa dia dirogol. Informan walau bagaimanapun merasakan dia telah dirogol kerana perbuatan itu dilakukan secara paksaan oleh abang angkatnya. Informan mengakui tidak menjalinkan hubungan cinta dengan pelaku rogol statutori sepertimana informan lain dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, melihat kepada situasi bagaimana perkara itu boleh berlaku sebenarnya adalah berpunca daripada mangsa sendiri yang menginap di rumah abang angkatnya setelah mlarikan diri daripada rumah ibu bapa. Tambahan pula, semasa kejadian itu berlaku abang angkatnya di bawah pengaruh alkohol dan dadah yang menyebabkan segala perbuatan di bawah sedar. Selain itu, hasil temu bual juga menunjukkan mangsa menolak melakukan hubungan seks dan mengakui menendang dan mlarikan diri daripada abang angkatnya.

“Berdua-duaan dalam satu rumah kawan, satu lagi nafsu lelaki tak boleh kawal kan lepastu dia ambil barang (dadah) pulak. Memang tahu abang ada ambil barang, tapi kalau sebelum

ni dia ambil barang dia kunci bilik tapi waktu tu (kali pertama dirogol) saya memang tak tahu dia baru balik kerja, saya tengah berkembang kan sebab lepas keluar toilet. Waktu tu umur dia dalam 21 sekarang 22.”

(Informan E)

Kesemua informan secara tidak langsung menyedari punca yang menyebabkan hubungan seks itu boleh berlaku. Analisis data menunjukkan bagaimana hubungan cinta terhadap teman lelaki, cara hidup bebas dan juga tiada kawalan ibu bapa boleh menyebabkan remaja terlibat dalam hubungan seks statutori ini walaupun menyedari kesan perbuatan tersebut.

Penerimaan terhadap diri sendiri sebagai mangsa rogol statutori

Analisis literatur mendapati, mangsa seks statutori (seks bawah umur) menggunakan daya tindak yang bersifat lebih banyak bersendirian selepas jenayah tersebut berlaku (Salina et. al, 2012). Mangsa bertindak menarik diri serta-merta dan tidak akan berkata apa-apa untuk beberapa hari. Mangsa lebih banyak menyendiri dan tidak mahu menceritakan apa yang berlaku kepada orang sekeliling. Hal ini kebanyakannya dapat dilihat berlaku kepada mangsa rogol kanak-kanak (Dollar, 2004 ; Lim et.al, 2002). Kenyataan pengkaji terdahulu bertepatan dengan penemuan kajian ini kerana informan yang ditemubual lebih banyak bersendirian dan menjauhkan diri daripada orang sekeliling pada peringkat awal. Menurut informan mereka seolah-olah mahukan tempat yang jauh daripada ahli keluarga dan cuba mengelak daripada berjumpa dengan orang ramai kerana takut hubungan disedari.

i. Lebih banyak bersendirian

Walaupun hubungan seks berlaku di atas kerelaan informan, mangsa menyedari berlaku perubahan terhadap diri mereka. Informan yang terlibat dalam kajian ini mengakui lebih banyak bersendirian, tidak mahu bergaul dan lebih suka mengasingkan diri khususnya pada peringkat awal.

“Cuma saya jadi lebih pendiam kalau ada masalah ka kalau ada yang perlu ka saya tak cakap pun, kalau dulu saya akan berbual dengan mak cik saya, saya rapat dengan dia, mak cik yang ambil saya, saya suka bercerita dengan dia. Tapi lepas benda ni dah takda dah. Lepas dari tu saya lebih bersendirianlah.”

(Informan A)

“Biasa ja cuma kadang-kadang saya macam rimas dengan keadaanlah macam tu. Tak tahulah sebab apa saya cuma macam rimas.”

(Informan C)

Penyelidik mendapati kebanyakan daripada mangsa bertindak begitu kerana risau sekiranya kedua ibu bapa mereka tahu mengenai hubungan seks bersama teman lelaki.

Selain itu, mangsa yang tidak rela melakukan hubungan seks pula menunjukkan penerimaan diri yang lebih negatif. Informan menyatakan lebih banyak perubahan tingkah laku yang dialami termasuk berubah menjadi malas dan tidak berminat dengan rutin harianya.

“Biasanya bangun pagi saya akan tololong mama masak, basuh baju semua tapi lepas perkara tu saya jadi malas sangat-sangat bangun pukul 12. Biasa akan turun basuh baju, jemur baju, masak untuk adik-adik pergi sekolah, hantar adik-adik. Tapi tak saya bangun lambat, malas nak kemas rumah biar je.”

(Informan E)

Informan E ini mengaku bahawa setelah dirogol, dia tidak bermaya untuk melakukan rutin biasa dan segalanya diuruskan sendiri oleh ibunya. Kanak-kanak atau remaja ini juga cenderung merasa diri sebagai mangsa atas hubungan tidak rela, menunjukkan gangguan tingkah laku, penghargaan kendiri yang rendah, lebih murung dan lebih cemas daripada remaja yang tidak terlibat dengan hubungan seks statutori. Hasil penemuan ini didapati selari dengan penemuan kajian Nor Shafrin, (2007).

Mangsa rogol sering merasakan diri tidak berguna dan dihantui perasaan malu sekiranya masyarakat luar tahu mengenai keadaan dirinya. Menurut Sable et al. (2006) & Salina et al. (2012), keadaan ini berpunca daripada keluarga dan juga masyarakat yang melakukan penolakan terhadap mangsa. Kajian penerimaan keluarga terhadap mangsa rogol mendapati lebih ramai yang mempunyai tahap penerimaan negatif terhadap mangsa rogol. Masih ramai ibu bapa serta ahli keluarga yang tidak boleh menerima kejadian rogol (Hetu, 2014 ; Fuller, 2016) sekaligus cenderung mempamerkan penolakan terhadap mangsa. Mangsa lebih banyak bersendirian kerana merasakan seperti tidak mempunyai keluarga atau teman yang boleh dipercayai. Disebabkan itu, mangsa membataskan hubungan sosialnya dengan orang sekeliling (Sisca dan Moningka, 2008).

Informan dalam kajian ini juga menyatakan mereka cuba mengelak daripada berkomunikasi dengan sesiapa sahaja terutama ahli keluarga. Perubahan yang dialami amat ketara sekiranya sebelum ini mangsa merupakan seorang yang periang dan mudah berkongsi cerita namun setelah kejadian ini mangsa menjadi lebih pendiam, sukar untuk berkongsi tentang kesukaran yang dialami, dan ada juga yang secara tiba-tiba menjadi seorang yang sensitif dan cepat terasa. Kesan daripada perubahan ini terdapat beberapa orang mangsa yang terlibat dalam kajian mengakui merancang untuk mlarikan diri jauh daripada ahli keluarga kerana rimas dengan situasi yang berlaku. Pada tahap inilah penerimaan positif daripada ibubapa sangat penting. Perkara ini seharusnya dapat dikenal pasti lebih awal oleh keluarga supaya mangsa tidak keseorangan dalam menghadapi situasi yang sukar.

Kajian lepas menunjukkan bagaimana mangsa mengalami gangguan dalam kesejahteraan psikologikal yang boleh mengganggu mangsa menjalani kehidupan sehari-hari. Mangsa sering mengalami perasaan tertekan, cemas, kelihatan muram dan mudah marah (Inzerberg, 2016 ; Atkinson, 2008 ; Dollar et al. 2004). Perasaan utama majoriti mangsa jenayah seksual adalah rasa takut hamil, rasa terhina, rasa bersalah, malu dan berbeza daripada individu lain (Lim et.al, 2002) yang sama umur dengan mangsa.

ii. **Takut hamil**

Hasil daripada temu bual, penyelidik mendapati informan ada mempunyai rasa takut hamil kesan daripada hubungan seks.

“Takut memang ada sebab takut pregnant. Lepas tu setiap kali buat tu setiap kali saya tanya macam ada termasuk (air mani ke dalam faraj) ke tak. Dia kata takde. Tu yang tetiba dia lekat

ni (hamil) saya tanya ada masuk ke dalam ke takde dia pun tak sedar. Benda tu kadang-kadang kalau macam setitis pun dah pregnant. Tak marah sebab saya sama-sama, saya yang merelakan diri.”

(Informan C)

Penyelidik mendapati informan C takut kesan daripada hubungan seks yang boleh menyebabkan dia hamil. Oleh itu, informan sentiasa berjaga-jaga dengan bertanya kepada teman lelaki sekiranya termasuk atau tidak air mani setiap kali selepas melakukan hubungan seks. Walau bagaimanapun, informan sama sekali tidak menggunakan langkah pencegahan kehamilan seperti kondom untuk mengelak hamil. Semasa temu bual dijalankan, penyelidik sempat bertanya kepada informan mengapa dia tidak menggunakan kondom, hasilnya informan menyatakan dia gelisah untuk menggunakan kaedah pencegahan tersebut. Penemuan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Committee on Adolescence (2001). Kebanyakan remaja terlibat dengan seks statutori enggan menggunakan kaedah pencegahan kehamilan meskipun takut hamil.

iii. Marah kepada diri sendiri

Berbeza pula dengan dua daripada enam informan, masing-masing mempunyai perasaan yang sama terhadap hubungan seks yang berlaku samada mereka dipaksa melakukan seks atau ia berlaku secara rela. Kedua-dua informan mempunyai perasaan yang sama iaitu marah kepada diri sendiri dengan perkara yang berlaku. “*Ntahlah, marah tu ada tak tahu nak cakap semua perasaan ada.*”(Informan B). Disebabkan terbawa dengan perasaan cinta, informan sanggup menyerahkan tubuhnya berulang kali demi menjaga perhubungan dengan teman lelaki. Kebanyakan informan yang ditemubual mengakui mereka tidak memikirkan apa-apa selain untuk berseronok semasa melakukan hubungan seks tersebut namun selepas perkara itu berlaku mereka mula menjadi marah dan menyesal dengan apa yang telah dilakukan bersama teman lelaki. Penyelidik juga mendapati hampir kesemua informan tidak memikirkan tentang kedua ibu bapa sebelum bersetuju untuk melakukan hubungan seks, sebaliknya mereka hanya memikirkan untuk melupakan kesemua masalah yang dihadapi.

Manakala berbeza pula reaksi informan E dengan mangsa lain. Informan dirogol oleh abang angkatnya. Informan mengakui bahawa dia marah dengan tindakan abang angkatnya itu kerana maruahnya sebagai seorang gadis telah tergadai.

“Marah sebenarnya sebab pecahkan dara.. kan kita jaga elok-elok sampai form 2, tapi mama kata takpalah kita tak boleh lawan takdir kan. Kiranya kena redhalah.”

(Informan E)

Informan tidak marah kepada diri sendiri sebaliknya meletakkan kesemua kesalahan kepada abang angkatnya yang tinggal bersama-sama dengan keluarga mereka.

Di samping itu, salah seorang informan yang terlibat dalam kajian ini mengakui beliau tidak terkesan dengan hubungan seks statutori meskipun dikatakan menjadi mangsa rogol. Penyelidik mendapati informan F masih boleh menjalani kehidupan seperti biasa selepas terlibat dalam hubungan seks luar nikah. Malahan, selepas daripada perbuatan seks yang pertama seawal usianya 11 tahun, informan F mula terlibat dengan masalah sosial yang lain seperti merokok dan juga minum arak. Penemuan ini selari dengan kajian oleh Bierie & Budd

(2016) yang mendapati kecenderungan remaja untuk terlibat dengan masalah sosial yang menambahkan lagi impak negatif setelah dirogol.

Penerimaan terhadap pelaku rogol statutori

Seterusnya, data tentang penerimaan mangsa terhadap diri sendiri turut mengeluarkan tema penemuan tentang bagaimana penerimaan mangsa terhadap tindakan pelaku atau individu yang melakukan jenayah seksual. Informan telah ditanya samada bersetuju atau tidak dengan perbuatan seks yang dilakukan. Dalam jenayah inses dengan pelakunya adalah individu yang mempunyai pertalian darah dengan mangsa, selain daripada mengalami kesan psikologi mangsa turut mengalami kebencian dan hilang perasaan hormat terhadap kaum lelaki (Azizah dan Azelin, 2004). Malah pendirian mangsa samada untuk bersetuju atau tidak bergantung kepada siapa individu yang melakukan perbuatan tersebut. Penerimaan mangsa dalam kajian ini terhadap pelaku didapati menjadi lebih positif sekiranya mereka kenal pelaku sebagai pasangan kekasih. Mangsa didapati sedikitpun tidak menyalahkan pelaku malah tidak takut dengan impak undang-undang. Mangsa juga tidak menilai perbuatan pelaku sebagai satu kesalahan atau perkara serius yang menjadi risiko kepada mereka. Penemuan ini selari dengan kajian Denov (2003) ; Fromuth, Holth & Parker (2001) ; Sahl & Keene (2010 ; 2012) dan Horvath & Ginner-Sorolla (2007)

i. Bersetuju dengan tindakan pelaku kerana perasaan cinta

Hasil kajian menunjukkan mangsa yang rela melakukan hubungan seks tersebut, mengakui bahawa mereka sama sekali tidak sedih dengan apa yang berlaku kerana perkara itu dianggap biasa dan ianya dilakukan atas dasar cinta terhadap pasangan. Penyelidik mendapati kesemua informan dalam kajian ini mengenali pelaku dalam tempoh masa tertentu sebelum hubungan seks berlaku. Informan juga mengakui bahawa mereka mempercayai pelaku dan pada mulanya langsung tidak mengesyaki hubungan seks akan berlaku kerana wujudnya kepercayaan antara satu sama lain. “*Kerelaan dan dia berlaku secara berulang kali lebih daripada lima. Saya setujulah dengan apa yang dilakukan lelaki tu.*”(Informan C)

Rata-rata informan masih terus mempercayai pelaku dan mempunyai penerimaan yang baik walaupun setelah dirogol berulang kali.

“*Saya tak salahkan dia, dia baik. Sebab masa perbincangan tu diorang nak kahwinkan saya dengan dia tapi saya yang tak nak. Sebab saya seorang ego saya pentingkan diri. Sebab tu saya tak salahkan dia. Lepas perbincangan dengan family tu saya tak jumpa dia dah.*”

(Informan A)

“*Memang bersetujulah sebab macam automatik bila kita dah memang layan sama kan atas faktor cinta maybelah lepastu kadang-kadang sebab tak sedar kan. Dengan orang dikenalilah memang kenal, kawan abang sendiri yang selalu datang lepak rumah, yelah start daripada situ. Jadi kawan abang tu teman lelaki saya. Memang relalah sebab dah couple kan so nak happy nak seronok je, tak da perasaan pun.*”

(Informan F)

Informan yang terlibat secara rela, bersetuju dengan tindakan yang dilakukan oleh pelaku. Informan mengaku bahawa perbuatan tersebut berlaku atas persetujuan berdua tanpa memikirkan kesan akan datang. Mangsa sama sekali tidak meletakkan kesalahan ke atas pelaku, sebaliknya mangsa mengakui mereka juga turut menjadi salah satu faktor kepada berlakunya hubungan seks tersebut. Remaja perempuan selalu memberi justifikasi hubungan seks statutori sebagai indikator perasaan cinta serta tidak merbahaya. Malah jika impak negatif hubungan seks dibincangkan, kumpulan remaja ini masih merasakan hubungan seks sebagai tiada kesalahan tetapi lebih kepada *misguided love*. Penemuan ini selari dengan kajian Denov (2003) dan Fromuth, Holt & Parker (2001).

Namun begitu, walaupun mangsa bersetuju dengan perbuatan pelaku, hampir kesemua informan menyatakan mereka tidak lagi berhubung dengan teman lelaki selepas diketahui keluarga, terutamanya selepas dimasukkan ke institusi (PERKID).

ii. Tidak bersetuju dengan tindakan pelaku kerana menganggap pelaku sebagai keluarga

Berbeza pula dengan persepsi mangsa yang dirogol oleh abang angkatnya sendiri, informan E (16 tahun) mengakui bahawa dia mengenali abang angkatnya itu semenjak berusia 13 tahun lagi. Perkenalan dalam tempoh tersebut tidak menunjukkan sebarang petanda bahawa abang angkatnya itu mempunyai niat lain sebaliknya mangsa dilayan seperti adik kandung. Oleh itu, mangsa memberikan persepsi yang sedikit berbeza berbanding informan yang lain setelah kecewa dengan abang yang dirasakan seperti abang kandungnya.

“Sebenarnya tak setuju sebab dah kenal lama dengan abang angkat tu. Lepastu saya lapor polis sebab pakcik saya tiga orang polis. Satu inspektor dua lagi polis trafik. Dah cakap dekat pakcik dah pun lepastu dia cakap takpalah dia cakap elok-elok.”

(Informan E)

Penyelidik mendapati informan E terlalu mempercayai abang angkatnya walaupun informan mengetahui bahawa abang angkatnya terlibat dengan alkohol dan juga penyalahgunaan dadah. Tambahan pula, semasa kejadian itu berlaku informan mengakui bahawa abang angkatnya tidak sedarkan diri kerana masih di bawah pengaruh minuman keras serta dadah. Oleh itu, informan bertindak untuk melaporkan kejadian tersebut kepada pakciknya yang juga merupakan seorang anggota polis kerana tidak bersetuju dengan tindakan abang angkatnya.

Penemuan yang serupa dibincangkan dalam kajian yang menyentuh dapatan jenayah inses seperti kajian Salina et al. (2012); Monlove et al. (2005); Sable et al. (2006); Dollar et al. (2004); Sahl & Keene (2010).

Seterusnya, penerimaan terhadap pelaku juga diteroka dari segi sejauhmana informan bersedia membuat pendedahan tentang hubungan seks yang berlaku. Dapatan kajian menunjukkan kesemua mangsa tidak melakukan sebarang pendedahan pada peringkat awal. Mangsa lebih memilih untuk merahsiakan kejadian ini daripada pengetahuan sesiapa sahaja termasuklah ahli keluarga dan juga pihak berkuasa. Penemuan ini didapati selari dengan kajian oleh Hetu (2014) dan Sable, et al. (2006). Malah, informan yang dirogol oleh abang angkatnya (mangsa tidak rela) juga mengakui mengambil masa beberapa hari sebelum bersedia memaklumkan sendiri kepada ibunya. Informan berkemungkinan mendiamkan diri

kerana mengalami konflik perasaan serta takut. Rasa takut ini dipercayai mendorong remaja merasa tidak yakin untuk membuat pendedahan tentang apa yang berlaku kepada orang dewasa meskipun tahu diri mereka merupakan mangsa. Konflik perasaan ini bukan sesuatu yang pelik kerana kajian oleh Salina et.al (2012) menunjukkan mangsa seksual kanak-kanak (terutamanya inses) cenderung merasa keliru dan rasa bersalah terhadap konflik perasaan yang mereka alami.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini menyumbang dapatan empirikal yang penting kepada bidang ilmu berkaitan rogol statutori daripada perspektif mangsa. Tujuan kajian adalah untuk meneroka penerimaan remaja yang dirogol ke atas diri sendiri dan juga terhadap pelaku rogol statutori. Kesemua mangsa merupakan pelatih yang ditempatkan di institusi untuk tujuan pemulihan serta perlindungan. Kajian ini dibatasi oleh pemilihan kaedah kualitatif dengan enam orang informan sahaja. Data kajian ini tidak boleh dibincangkan dengan tujuan justifikasi. Malah tidak dapat dipastikan apakah bentuk dapatan sekiranya kajian ini dijalankan ke atas sampel yang lebih besar. Maka adalah penting untuk penemuan kajian ini tidak diinterpretasikan secara tidak tepat atau melewati skop dan konteks kajian.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bagaimana hubungan cinta terhadap teman lelaki, cara hidup bebas dan juga tiada kawalan ibu bapa boleh menyebabkan remaja terlibat dalam hubungan seks statutori walaupun menyedari kesannya. Perkembangan psikososial remaja sememangnya mendedahkan mereka kepada hubungan seks samada kerana dorongan biologi, eksplorasi ataupun eksperimen dan juga pendedahan dalam persekitaran sosial khususnya bersama rakan sebaya. Sehubungan itu, penerimaan mangsa yang dikaji tentang hubungan seks didapati sangat baik malah dianggap perkembangan biasa untuk remaja seperti mereka (Koon-Magnin & Ruback 2013). Walaupun diakui oleh informan mengalami rasa takut hamil, bimbang diketahui keluarga, malu, rasa bersalah dan muhu menyendiri, namun penerokaan lanjut mendapati respon begitu dirasai hanya pada peringkat awal selepas seks berlaku. Apabila mereka tidak hamil dan peluang bertemu pasangan menjadi lebih kerap tanpa kawalan orang dewasa, remaja ini mula selesa memenuhi keinginan teman lelaki untuk melakukan hubungan seks berulang kali.

Hampir keseluruhan informan yang dikaji tidak merasakan hubungan statutori ini satu kesalahan malah mereka juga mempunyai penerimaan yang baik kepada pelaku seks statutori. Penerimaan mangsa terhadap pelaku didapati lebih positif sekiranya mengenali pelaku sebagai pasangan kekasih. Mangsa sedikitpun tidak menyalahkan pelaku malah tidak takut dengan impak undang-undang. Perbuatan pelaku juga tidak dinilai sebagai satu kesalahan atau perkara serius yang menjadi risiko kepada mangsa. Pengkaji di barat menganggap penilaian ini selari dengan Teori *Sexual Script* (seperti dibincangkan oleh Sahl & Keene, 2012 : Cohen, 2012) dan terma *Kes Romeo & Juliet* (Bierie & Budd, 2016 : Beck & Boys, 2012). *Romeo & Juliet* adalah satu terma kes yang diguna untuk menjelaskan hubungan seks antara pasangan remaja yang mempunyai jarak umur kurang empat tahun antara satu sama lain. Hubungan *Romeo & Juliet* ini diterima sebagai satu fasa remaja. Walaupun ia salah dari segi undang-undang banyak pihak di Barat merasakan seks statutori antara remaja dalam jarak umur yang sama sebagai tidak merbahaya. Persepsi tentang samada sesuatu tingkah laku atau perbuatan seks sebagai selari dengan norma masyarakat ataupun tidak turut dikupas oleh Teori *Sexual Script*. Teori ini mencadangkan bagaimana sesuatu interpretasi tentang hubungan seks oleh mangsa atau masyarakat umum didorong oleh ekspektasi yang ada dalam budaya masyarakat. Masyarakat yang dimaksudkan bukan sahaja masyarakat umum tetapi juga meliputi kumpulan

rakan sebaya kepada remaja yang memberi definisi perlakuan seks statutori. Apabila ekspektasi remaja untuk pendedahan kepada seks adalah sebagai satu fasa biasa perkembangan mereka dan ianya dinormalisasikan pula oleh rakan sebaya, maka penilaian dan penerimaan positif terhadap seks statutori akan berlaku.

Penemuan kajian ini boleh dibincangkan dengan mengambilkira bagaimana kajian terdahulu mengetengahkan faktor jurang umur sebagai penentu bentuk penerimaan hubungan seks statutori dalam kalangan masyarakat. Jurang umur yang besar (contohnya apabila pelaku mempunyai jarak umur jauh lebih tua daripada mangsa) akan menyebabkan pelaku diberi persepsi lebih negatif dan penjenayah seks (Manlove et al. 2005). Hubungan seks statutori dalam kes begini akan kerap dinilai sebagai satu jenayah seks. Malah lebih besar jarak umur antara pelaku dengan mangsa, lebih ketara menunjukkan mangsa tidak rela dengan hubungan tersebut (Gurko, 2004) atau petunjuk adanya penderaan seks (Sahl & Keen, 2012). Namun begitu, bagi jurang umur yang kecil seperti mana ditemui dalam kajian ini, persepsi mangsa dikenalpasti lebih positif. Mangsa tidak merasakan pelaku merbahaya malah menganggap seks petanda individu terbabit benar-benar menyayangi mereka. Remaja ini juga didapati lebih memikirkan keseronokan daripada hubungan seks dan ia bukanlah satu bentuk jenayah. Penemuan ini menyokong kajian terdahulu oleh Horvath & Giner-Sorolla (2007) ; Sahl & Keen (2010 ; 2012).

Persepsi penerimaan yang lebih positif ini menjadi justifikasi mengapa rogol statutori sukar atau tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa. Perkara yang perlu diberi perhatian adalah kecenderungan remaja yang terlibat dengan seks statutori ini untuk tidak melaporkan kejadian sekiranya mereka bersetuju dan menjalinkan hubungan cinta dengan pelaku. Impaknya, hubungan seks akan berlaku dalam diam selama beberapa tempoh tertentu. Selagi ia tidak diketahui, selagi itu remaja akan terdedah kepada bahaya tingkah laku seperti hamil, penyakit bawaan seks dan juga risiko pelacuran remaja.

Penerimaan mangsa terhadap pelaku yang terdiri daripada individu yang dikenali juga boleh menjadi bercampur baur kerana limitasi kognitif yang dipunyai menghalang mereka untuk mengenalpasti manipulasi seks oleh pasangan yang lebih berusia. Walaupun dari satu sudut ada mangsa yang tidak bersetuju dengan perbuatan itu tetapi dalam masa yang sama merasakan kebijakan pelaku perlu mereka lindungi. Mangsa bertindak sedemikian kerana dikhuatiri sekiranya keluarga tidak boleh menerima apa yang berlaku ataupun keluarga tidak mempercayai perkara yang cuba didedahkan. Berkemungkinan juga keenggan mangsa membuat pendedahan ada kaitannya dengan rasa bimbang jika identiti pelaku yang dianggap seperti keluarga akan diketahui pihak polis (Berliner 2002 ; Lanning, 2002) dan seterusnya dikenakan hukuman. Dapatkan menunjukkan kebanyakkan keluarga mangsa mengetahui perkara ini daripada orang lain dan ada juga ibu bapa yang dapat menghidu sendiri setelah menyedari terdapat perubahan fizikal yang berlaku ke atas anaknya. Seharusnya, mangsa terus memaklumkan kepada ibu bapa supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil dengan kadar segera, walaupun diakui agak sukar untuk keluarga menerima pada peringkat awal dan mungkin akan berlakunya penolakan daripada keluarga.

Kecenderungan sebegini sebenarnya mencetuskan persoalan yang perlu perhatian khusus. Sejauhmanakah mangsa atau rakan sebaya boleh menyembunyikan status hubungan statutori daripada pengetahuan orang dewasa khususnya keluarga. Persoalan ini seterusnya menggambarkan pentingnya untuk satu kajian lanjutan dijalankan dengan memberi perhatian kepada halangan mendedahkan seks statutori dalam konteks tempatan. Kajian akan datang seharusnya mampu meneroka dengan lebih mendalam sejauhmana halangan pendedahan wujud. Penyelidik boleh memberi penekanan mengikut dapatan kajian Hetu, (2014) dan

Sable, et al. (2006) dengan meneroka halangan yang berpunca daripada i) rasa malu, bersalah atau tidak mahu orang dewasa mengetahui hubungan seks, ii) bimbang kerahsiaan, iii) takut tiada yang mempercayai mangsa (Hetu, 2014 ; Sable, et al. 2006) dan iv) dilema antara melindungi pelaku yang juga pasangan kekasih daripada tindakan undang-undang dengan dilema takut kepada ancaman daripada pelaku sekiranya perbuatan dilaporkan (Sable, et al. 2006).

Bagi konteks yang lebih meluas, mangsa yang masih berumur belasan tahun memerlukan perapatan hubungan dengan keluarga dan masih tertakluk kepada kawalan sosial orang dewasa terutamanya penjaga mereka. Penempatan di institusi bagi mangsa seks statutori hanya bersifat sokongan sementara. Sebaliknya, keluarga dan remaja perlu dibantu dengan meningkatkan pengetahuan tentang risiko hubungan seks bawah umur. Keluarga perlu mengambil tanggungjawab memastikan hubungan kekeluargaan terpelihara kerana pola masalah seks statutori ini dikenalpasti cenderung bermula daripada konflik kekeluargaan. Apabila berlaku sebarang perubahan atau kekacauan yang menyebabkan ketidakseimbangan kepada salah satu daripada sub sistem keluarga contohnya hubungan antara suami isteri, maka akan membawa perubahan kepada keseluruhan sistem tersebut termasuklah sub sistem hubungan antara ibu bapa dengan anak dan sesama adik beradik. Impaknya aktor sosial dalam sistem yang bermasalah atau tidak seimbang akan berusaha mencari keseimbangan dengan aktor sosial di luar sistem. Dalam konteks kajian ini, aktor sosial di luar sistem asal keluarga adalah pasangan atau pelaku jenayah statutori kepada informan. Keluarga juga perlu mewujudkan rasa yakin ahlinya dalam berkongsi apa sahaja perkara yang berlaku dan sebolehnya mengekalkan anak remaja tinggal bersama keluarga sehingga dewasa awal. Tinggal berjauhan dengan keluarga bersama rakan, atau lari dari rumah dibuktikan oleh kajian ini sebagai punca remaja mendapat peluang terlibat dengan seks statutori berulang kali.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM serta semua informan yang menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2003. *Gejala sosial dalam masyarakat Islam: Punca dan penyelesaian*. Utusan Publications And Distributors Sdn. Bhd.
- Atkinson, M. 2008. *A parent's guide to helping a daughter who has been raped*.
- Azizah Mat Rashid & Nor 'Adha Abd Hamid. 2014. *Undang-Undang Jenayah Syariah: Suatu sorotan berhubung kesalahan akhlak*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Azizah Othman & Azelin Aziz. 2004. *Fenomena sumbang mahram di kalangan masyarakat Islam di Malaysia*. Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Beck, V.S. & Boys, S. (2012). Romeo & Juliet : Star-crossed lovers or sex offenders? *Criminal Justice Policy Review*. 24 : 655-675

- Berliner, L. 2002. *Confronting an uncomfortable reality*. APSAC Advisor (Special Issue): *The compliant child victim*. Vol 14(2) : 2-3
- Bierie, D.M. & Budd, K.M. (2016). Romeo, juliet and statutory rape. *Sexual Abuse : A Journal of Research and Treatment*. 1-26
- Cohen, M. (2012). No child left behind bars : The need to combat cruel and unusual punishment of state statutory rape laws. *Journal of Law and Policy*. 16 : 717-756
- Committee on Adolescence (2001). Care of the adolescent sexual assault victim. *Paediatrics*. 107 (6) : 3-12
- Denov, M. (2003). The myth of innocence : Sexual scripts and the recognition of child sexual abuse by female perpetrators. *The Journal of Sex Research*. 40 (3) : 303 – 314.
- Dollar, K. Perry, A. Fromuth, M. & Holt, A. (2004). Influence of gender roles on perceptions of teacher/adolescent student sexual relations. *Sex Roles*. 50 (1) : 91 – 101.
- Fromuth, M., Holt, A. & Parker, A. (2001). Factor affecting college students' perceptions of sexual relationships between high school students and teachers. *Journal of Child Sexual Abuse*. 10 (3) : 59 – 73.
- Fuller, G. 2016. *Non-offending Parents As Secondary Victims Of Child Sexual Assault*. Australian Government.
- Gurko. T.A. 2004. Underage females' experiences of sexual relations, motherhood, and married life. *Russian Social Science Review*. Vo 46(4) : 21-40.
- Hetu, V. (2014). Reflections on the society's reaction towards rape victims in Delhi City. *TEMIDA* : 3-26
- Hines, D. & Finkelhor, D. (2017). Statutory sex crime relationships between juveniles and adults : A review of the social scientific research. *Aggression and Violent Behavior*. 12 : 300 -314.
- Horvath, M. & Ginner-Sorolla, R. (2007). Below the age of consent : Influences on moral and legal judgements of adult-adolescent sexual relationships. *Journal of Applied Social Psychology*. 37 (12) : 2980 – 3009.
- Izenberg, N. 2016. If your child is raped. *The Nemours Foundation*.
- Jones, L.M., Cross, T.P., Walsh, W. & Simone, M. (2005). Criminal investigations of child abuse : The research behind best practices. *Trauma, violence and abuse*. 6(3) : 254- 268
- Klein, J.L. & Cooper, D.T. (2017). Do perceptions of statutory rape vary based on offender and victim pairings? Testing the effects of race and gender. *Applied Psychology in Criminal Justice*. 13(1) : 33 – 50.
- Koon-Magnin, S. & Ruback, R.B. (2013). The perceived legitimacy of statutory rape laws : The effects of victim age, perpetrator age, and age span. *Journal of Applied Social Psychology*. 43 : 1918-1930
- Lanning, K.V. (2002). A law enforcement perspective on the compliant child victim. APSAC Advisor (Special Issue): *The compliant child victim*. Vol 14(2) : 4-9
- Lim, J., Kooi, L. C., Yen, B. & Cheng, L. K. 2002. *Working with rape survivors: A Handbook*. Women's Centre for Change (WCC), Penang.
- Manlove, J., Moore, K., Liechty, J., Ikramullah, E. & Cottingham, S. (2005). *Sex between young teens and older individuals : A demographic portrait*. Washington DC : Child Trends.

- Manlove, J.S., Ryan, S., & Franzetta, K. (2007). Risk and protective factors associated with the transition to a first sexual relationship with an older partner. *Journal of Adolescent Health*. 40 : 135 – 143.
- Motjebede, N.J. (2009). *The social support network of teenage mothers in Botshabelo*. Thesis for the degree of Master of Social Work, University of Stellenbosch.
- Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim & Mohd Suhaimi Mohamad. 2012. *Hubungan seksual remaja: Antara cinta dan nafsu*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi, Selangor.
- Nor Shafrin Ahmad. 2007. *Mengenalpasti indikator tingkah laku mangsa penderaan seksual*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia : Pulau Pinang
- Nor Shafrin Ahmad. 2012. *Mangsa dera seksual*. Universiti Sains Malaysia : Pulau Pinang.
- Rosdi Yusof. 2002. *Kajian perbandingan jenayah rogol dan sumbang mahram di Malaysia : Penyelesaiannya menurut perspektif Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi, Selangor.
- Sable, M.R., Danis, F., Mauzy, D.L. & Gallagher, S.K. (2006). Barriers to reporting sexual assault for women and men : Perspectives of college students. *Journal of American College Health*. 55 (3) : 157 – 162.
- Sahl, D. & Keene, J.R. (2010). The sexual double standard and gender differences in predictors of perceptions of adult-teen sexual relationships. *Sex Roles*. 62 (3) : 264 – 277.
- Sahl, D. & Keene, J.R. (2012). The effects of age, authority and gender on perceptions of statutory rape offenders. *Journal of Interpersonal Violence*. 27 (8) : 3701 – 3722.
- Salamatussaadah Abd. Ghadur & Nor Ba'yah Abdul Kadir. 2009. *Hubungan romantik dan remaja hamil luar nikah di pusat pemulihan*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi, Selangor.
- Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Suzana Mohd Hoesni & Zaizul Abdul Rahman. 2012. *Kajian kes inses bapa-anak perempuan: memahami pengalaman dari perspektif mangsa*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi, Selangor.
- Sisca, H. & Moningka, C. 2008. *Resiliensi perempuan dewasa muda yang pernah mengalami kekerasan seksual di masa kanak-kanak*. Universiti Kristen Krida Wacana, Jakarta.
- Troup-Leasure, K. & Snyder, H. N. 2005. *Statutory rape known to law enforcement*. Washington, DC : Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention.
- Ummi Ridha Abu Bakar. 2005. *Jenayah rogol terhadap kanak-kanak menurut perspektif Islam dan undang-undang ciptaan : Kajian kes dari tahun 2000 hingga 2004 di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi, Selangor.
- Zaizul Ab. Rahman, Zakaria Stapa, Mohd Nasir Omar, Ahmad Sunawari Long, Faudzinain Badaruddin, Jaffary Awang, Mazlan Ibrahim, Indriaty Ismail, Norul Huda Sarnon @ Kusenin,
- Suzana Mohd Hoesni, Ab. Aziz Mohd Zain, Fakhru Adabi Abdul Kadir & Norrodzoh Siren. 2011. *Fenomena rogol menurut pandangan ulama Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi, Selangor.
- Zakiyah, J. Abd. Razak, A.M. & Rusimah, S. (2016). Isu dan cabaran dalam kalangan remaja hamil tanpa nikah di institusi pemulihan. *Jurnal Pembangunan Sosial* 1(19) : 117-129.

eBangi - Special Issue 3 (2017): 016 ISSN: 1823-884x
TEMA: ISU-ISU KESEJAHTERAAN MASYARAKAT MALAYSIA
(THEME: ISSUES OF WELL-BEING AMONG MALAYSIAN COMMUNITY)

¹Ezarina Zakaria,

²Nur Farrah Alya Zakaria,

³Norulhuda Sarnon

⁴Nor Jana Saim

Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Selangor
UKM

E-mail : ezaz@ukm.edu.my; alyaa@ukm.edu.my; norul@ukm.edu.my; janasaim@ukm.edu.my